

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8/ Jilid 1(07)  
Tarikh : 05 April 2015  
Bersamaan : 15 Jamadilakhir 1436

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Malaysia Terengganu

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

## **PEKELILING BENDAHARI BIL 2 TAHUN 2015**

### **LANGKAH PERBELANJAAN BERHEMAH**

#### **Tujuan**

1. Pekeliling ini bertujuan menerangkan berkenaan **langkah perbelanjaan berhemah Universiti Malaysia Terengganu.**

#### **Latar Belakang**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui notis penyekatan peruntukan daripada Kementerian Kewangan telah mengenakan waran sekatan ke atas peruntukan mengurus semua IPTA dan badan berkanun di bawahnya.
3. Berdasarkan perkara tersebut, UMT telah dikenakan sekatan sepertimana berikut:

<b>Dasar</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
Sedia Ada	8,059,500.00
One-Off	2,287,600.00
	<b>10,347,100.00</b>

4. Berikutan itu, beberapa langkah perbelanjaan berhemah telahpun diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti pada 23hb Mac 2015.
5. Kerjasama daripada Ketua PTj dan warga UMT di dalam melaksanakan langkah ini amat diperlukan bagi memastikan kelestarian kewangan UMT di masa akan datang.

#### **Langkah Perbelanjaan Berhemah**

6. Pindaan kelayakan tiket penerbangan dalam negara sepertimana berikut:

<b>Kelas Penerbangan</b>	<b>Gred</b>
Perniagaan	1. JUSA C dan ke atas 2. Ketua PTJ (Gred 54)
Ekonomi	Selain pegawai di atas

7. Ketua PTj perlu menghadkan bilangan pegawai yang mewakili universiti bagi menghadiri sesuatu program/aktiviti luar.
8. Semua bengkel yang dianjurkan oleh PTj perlu menggunakan fasiliti dalaman bagi mengurangkan kos sewaan. Penganjuran bengkel yang perlu sahaja boleh dibuat di luar UMT selepas mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor yang berkaitan.
9. Ketua PTj/Penganjur perlu mempertimbangkan keperluan untuk gimik perasmian bagi majlis/program yang benar-benar perlu sahaja.
10. Ketua PTj hendaklah menghadkan bilangan jemputan yang benar-benar perlu sahaja bagi sesuatu majlis/aktiviti serta memastikan tiada pembaziran bagi kos makanan dalam majlis/aktiviti yang diadakan.
11. Kadar keraian bagi mesyuarat, bengkel dan aktiviti dalaman UMT adalah seperti berikut:

<b>Makan</b>	<b>Kadar</b>
Pagi	RM5.00/seorang
Tengahari	RM8.00/seorang
Petang	RM5.00/seorang

12. Pembelian tiket penerbangan dibuat secara atas talian menggunakan kad korporat universiti atau mana-mana kaedah yang lebih menjimatkan.
13. Perolehan item gunasama akan dibuat secara berpusat.
14. Permohonan sewaan kenderaan perlu diteliti bagi yang benar-benar perlu sahaja bagi meminimalkan penyewaan kenderaan luar.
15. Mempergiatkan kempen penjimatan utiliti.
16. Semua program yang tiada dalam perancangan sekiranya perlu diadakan hendaklah menggunakan peruntukan yang telah disalurkan dengan menyusun semula mengikut keutamaan aktiviti dan tiada sebarang peruntukan tambahan akan disalurkan.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

17. Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

**(NOR AZIZAH BINTI KASIM)**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

## **SENARAI EDARAN**

Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan  
Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran  
Dekan, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur  
Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi  
Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan  
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan  
Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas  
Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim  
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal  
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika  
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran  
Pengarah, Institut Penyelidikan Kenyir  
Pengarah, Institut Bioteknologi Marin  
Pengarah, Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik  
Pengarah, Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Pengetua Kolej Siswa  
Pengarah, Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat  
Pengarah, Makmal Berpusat  
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Pengarah, Pusat Kesihatan Pelajar  
Pemangku Pengarah, Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri  
Pengarah, Pusat Pembangunan Alumni dan Keusahawanan (CADE)  
Pengarah, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar